



MALAYAN BANKING BERHAD

(No. Syarikat 3813-K)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Ordinan Syarikat, 1940-1946)

SEKIRANYA ANDA PEMEGANG SAHAM KAMI YANG LAYAK BERDASARKAN REKOD PENDEPOSIT MAYBANK BERTARIKH 30 NOVEMBER 2011 ("PEMEGANG SAHAM YANG LAYAK") DAN INGIN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM DRP, ANDA MESTI MELENGKAP DAN MEMULANGKAN BORANG PELABURAN SEMULA DIVIDEN KEPADA TRICOR INVESTOR SERVICES SDN BHD ("PENDAFTAR BAGI DRP"), DAN BORANG TERSEBUT HARUSLAH SAMPAI KEPADA PENDAFTAR BAGI DRP PADA ATAU SEBELUM HARI KHAMIS, 15 DISEMBER 2011 PADA JAM 5.00 PETANG, ATAU SEBARANG MASA DAN TARIKH YANG MUNGKIN DILANJUTKAN OLEH LEMBAGA PENGARAH MAYBANK ("LEMBAGA PENGARAH") BERDASARKAN BUDI BICARA MUTLAK MEREKA.

SEKIRANYA ANDA TIDAK INGIN MELABUR SEMULA DIVIDEN TUNAI ANDA KE DALAM SAHAM-SAHAM BIASA BARU MAYBANK BERNILAI RM1.00 SESAHAM ("SAHAM MAYBANK") SEHUBUNGAN DENGAN DRP, ANDA TIDAK PERLU MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN. PEMBAYARAN KE ATAS JUMLAH KELAYAKAN DIVIDEN AKAN DIBUAT KEPADA ANDA PADA HARI RABU, 28 DISEMBER 2011 SEBAGAIMANA PILIHAN YANG TELAH ANDA PUTUSKAN SEBELUM INI.

Tarikh dan masa akhir untuk menyerahkan Borang Pelaburan Semula Dividen : Khamis, 15 Disember 2011 pada jam 5.00 petang, atau sebarang masa dan tarikh yang mungkin dilanjutkan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan budi bicara mutlak mereka

Terbitan dan peruntukan Saham-saham baru Maybank serta pembayaran dividen tunai kepada Pemegang Saham Yang Layak : Rabu, 28 Disember 2011

Pada 22 Ogos 2011, Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen tunai akhir sebanyak RM0.32 bagi setiap Saham Maybank tolak 25% cukai bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011 ("Dividen Tunai Akhir"). Lembaga Pengarah juga mengumumkan bahawa DRP akan diguna pakai bagi pembayaran dividen yang dinyatakan tersebut di mana bahagian boleh pilih kasar sebanyak RM0.28 (RM0.21 bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang ("Bahagian Boleh Pilih") boleh dilaburkan semula ke dalam Saham Maybank dan bahagian selebihnya sebanyak RM0.04 (RM0.03 bersih selepas ditolak cukai) bagi setiap Saham Maybank yang dipegang akan dibayar tunai.

Setiap Pemegang Saham Yang Layak mempunyai pilihan-pilihan berikut terhadap Bahagian Boleh Pilih:

- Memilih untuk menerima Bahagian Boleh Pilih dalam tunai; atau
- Memilih untuk melabur semula kesemua Bahagian Boleh Pilih ke dalam Saham Maybank baru yang dikreditkan sebagai berbayar penuh pada harga terbitan sebanyak RM7.30 bagi setiap Saham Maybank baru, yang telah ditetapkan pada 15 November 2011.

Salinan Memorandum Maklumat berserta dengan salinan-salinan Penyata DRP, Notis Pemilihan dan Borang Pelaburan Semula Dividen ("Dokumen-dokumen DRP") telah dihantar kepada semua Pemegang Saham Yang Layak (kecuali pemegang-pemegang saham yang beralamat di luar negara) pada 2 Disember 2011.

Sebarang terbitan Saham Maybank baru sehubungan dengan Notis Pemilihan (termasuk Borang Pelaburan Semula Dividen) tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Dokumen-dokumen DRP yang diterbitkan oleh Maybank. Bilangan Saham Maybank baru dan jumlah tunai yang dinyatakan dalam Borang Pelaburan Semula Dividen telah dikira berdasarkan kelayakan anda untuk Dividen Tunai Akhir.

Rasional Maybank melaksanakan DRP ini adalah seperti berikut:

- Untuk meningkat dan memaksimumkan nilai pemegang saham melalui langganan Saham Maybank baru di mana harga terbitan bagi satu Saham Maybank baru adalah pada harga diskaun;
- Untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada pemegang-pemegang saham dalam memenuhi matlamat pelaburan mereka, di mana mereka akan mempunyai pilihan sama ada untuk menerima tunai atau melabur semula dalam Maybank melalui langganan Saham Maybank tambahan tanpa perlu mengeluarkan kos bagi transaksi material mahupun kos-kos lain yang berkaitan; dan
- Untuk mendapat manfaat daripada penyertaan pemegang saham dalam DRP di mana jika pemegang-pemegang saham memilih untuk melabur semula Bahagian Boleh Pilih tersebut ke dalam Saham Maybank baru, tunai yang sepatutnya dibayar sebagai dividen akan dilaburkan semula sebagai dana untuk perkembangan berterusan perniagaan bagi kumpulan Maybank. DRP bukan hanya memperluaskan asas modal saham Maybank dan memperkukuhkan kedudukan modalnya, tetapi juga akan menambahkan kecairan bagi Saham Maybank di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Anda boleh melayari laman web Maybank (www.maybank.com/drp) untuk maklumat lanjut berhubung DRP.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai DRP, anda boleh menghubungi Pendaftar bagi DRP di Aras 17, The Gardens North Tower, Mid Valley City, Lingkaran Syed Putra, 59200 Kuala Lumpur (Tel: +603-2264 3883) atau e-mel kepada is.enquiry@my.tricorglobal.com.

Sekiranya anda mempunyai sebarang keraguan berhubung tindakan yang perlu diambil, anda haruslah mendapatkan khidmat nasihat broker saham, pengurus bank, peguam, akauntan atau penasihat profesional lain dengan serta-merta.

Penasihat bagi DRP



Maybank Investment Bank Berhad (15938-H)

(Sebuah Organisasi Bursa Malaysia Securities Berhad yang Mengambil Bahagian)